

**Lebih Baik Babitkan Daripada Bendung Kebangkitan Kuasa China, Kata Razali Bernama**  
**12 November, 2012**  
**Oleh Neville D'Cruz**

MELBOURNE, 12 Nov (Bernama) -- Lebih baik babitkan daripada membendung kuasa China, demikian Pengerusi Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global Tan Sri Razali Ismail memberitahu satu forum di sini Isnin.

Katanya:"Perundingan dan perbincangan mengenai bagaimana untuk menguruskan kebangkitan China sering kali masih dipenuhi kebimbangan terhadap potensi ancaman daripada China, dan kadangkala berkisar mengenai strategi membendung dan mengimbangkannya".

Beliau berkata ini nyata daripada anjakan paksi strategik Asia oleh Amerika Syarikat, dengan menempatkan semula sumber ketenteraan dan diplomatik yang terselindung bagi memelihara kestabilan serantau tetapi ia jelas sebagai respons terhadap kebangkitan pengaruh China.

"Australia telah menyatakan dengan jelas bahawa ia bukanlah sebahagian daripada pihak yang berusaha untuk membendung China, meskipun Australia telah menerima untuk menjadi sebahagian daripada usaha penyesuaian oleh Amerika Syarikat.

"Australia telah menyatakan kepada China bahawa kehadiran jumlah terhad askar Amerika Syarikat tidak seharusnya diertikan sebagai imbalan terhadap China.

"Membendung dan perimbangan semula terutama bagi meneruskan perkiraan pihak lain di luar rantau berkenaan akan mendatangkan kerugian," kata Razali di Forum Ekonomi China Kali Keempat berlangsung di Pusat Konvensyen Melbourne.

Razali, yang pernah menjadi Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, berkata di masa lalu Malaya/Malaysia tidak mahu mencampuri usaha untuk membendung China, walaupun anasir-anasir penganas mendakwa memperoleh sokongan dari China semasa darurat.

"Malaysia bertukar-tukar wakil diplomatik dengan China di awal tahun 70-an dan sejak itu hubungan terus diperkukuhkan oleh kedua-dua pihak hingga kini menjadi hubungan berkekalan, komprehensif dan strategik," katanya.

Razali, yang juga pernah menjadi Duta Khas Bangsa-Bangsa Bersatu ke Myanmar, berkata apa yang terbaik boleh dilakukan oleh Asia dan negara lain di seluruh dunia ialah membabitkan diri dengan China 'sebanyak dan seluas mana yang mungkin', di samping kekal sensitif terhadap masalah dalaman dan ketidaksetaraan yang dihadapi China.

Beliau menyeru supaya diadakan siri dialog bagi menyuarakan kebimbangan negara-negara dan memberi peluang kepada China untuk memahami kesangsian jiran-jirannya.

Razali berkata ASEAN boleh melakukan 'tugas lebih baik dalam membabitkan China untuk memainkan peranan mengikut peraturan sama dalam soal pembabitan di dunia dan serantau'.

Beliau berkata Pergerakan Kesederhanaan Global, yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dua tahun lepas, bagi kewujudan bersama dan penyelesaian konflik secara aman boleh juga dijadikan mekanisme bagi pembabitan.

Tuntutan bertindih ke atas terhadap kepulauan Spratlys oleh China dan sesetengah negara ASEAN perlu ditangani segera dan secara bersama.

"Ini memerlukan usaha diplomatik yang mahir secara dua hala serta di peringkat serantau dengan menggunakan struktur ASEAN," kata Razali.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708865>